

Status Kualiti Air Daerah Sandakan (30.6.2025)


Berdasarkan kepada laporanyang dikeluarkan oleh JabatanKesihatanNegeriSabah, sehingga Julai 2024 **daerah Sandakan mencapai rekod cemerlang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu 100% pematuhan Program Jaminan Kualiti (QAP) dan 100% pematuhan Drinking Water Quality Index (DWQI).**

PERFORMANCE OF QAP (NDWQSP) FOR SABAH 2024															
DISTRICT	E-Coli & Baki Klorin (QAP limit< 0.05%)			E-Coli (QAP limit< 0.15%)			Kekeruhan (QAP limit< 2.0%)			Baki Klorin (QAPlimit<1.85%)			Aluminium (QAP limit < 10%)		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Sandakan	255	0	0.00%	255	0	0.00%	279	0	0.00%	279	4	1.43%	54	0	0.00%

Sumber: Laporan Water Quality Surveillance, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

- A: Bilangan sampel yang di uji
- B: Bilangan sampel yang melanggar piawaian
- C: Peratus pelanggaran


Berikutan insiden kemasukan air masin diEmpangan Betotan, Sandakan yang terjadi pada Disember 2022, isu ini telah dapat dibendungsempuhnya setelah river gate siap di baiki pada awal bulan Julai 2024. Sehingga kini, paraskandungan klorida di dalam bekalan air terawat dari LRA Segaliud adalah 100% mematuhi kepada piawaian kebangsaan iaitu dibawah 250 mg/L.



Graf menunjukkan **tren bacaan Klorida berada dibawah paras selamat KKM iaitu 250 mg/L** bagi tempoh Januari 2024 – Jun 2025



Manakala bagi bacaan TDS pula, sepanjang Februari 2024 - Jun 2025, tren bacaan TDS di daerah Sandakan merekodkan bacaan pada julat 21.9 – 385 mg/L.



Graf menunjukkan **tren bacaan Total Dissolved Solids (TDS) berada dibawah paras selamat KKM iaitu 1000 mg/L** bagitempoh Februari 2024 – Julai 2025

Bacaan TDS dalam sampel air boleh berbeza-beza bergantung kepada jenis sumber air dan kandungan TDS yang hadir secara semulajadi. Merujuk kepada National Standard for Drinking Water Quality yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, paras selamat yang digariskan untuk parameter TDS adalah 1500 mg/L di dalam air mentah dan 1000 mg/L di dalam air terawat/minum.

Adakah bacaan TDS yang tinggi boleh dijadikan sebagai indikator bahawa air minum tersebut adalah tidak selamat?

Tidak.

Ini kerana **TDS adalah indikator yang sangat umum** (very vague indicator) dan tidak boleh menunjukkan pengukuran secara spesifik ke atas satu-satu parameter yang penting dalam penentuan kualiti air seperti parameter logam berat dan pestisid. World Health Organisation (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) menganggap nilai sehingga 1000 mg/l adalah selamat sepenuhnya sekaligus menunjukkan bahawa tiada kaitan langsung antara TDS dan keselamatan air.

Apakah cara yang tepat untuk menentukan kualiti air minum tersebut selamat ataupun tidak?

Caranya adalah dengan melaksanakan pengujian dan analisis spesifik ke atas parameter-parameter yang digariskan di dalam National Standard for Drinking Water Quality seperti parameter logam berat dan pestisid. Terdapat 131 jenis parameter yang disenaraikan di dalam National Standard for Drinking Water Quality merujuk kepada 4 kumpulan parameter iaitu;



- kumpulan 1: Mikrobiologi dan fizikal
- kumpulan 2: Inorganik
- Kumpulan 3: Logam berat
- Kumpulan 4: Pestisid

Biasanya syarikat-syarikat penapis air menggunakan hujah kandungan TDS yang tinggi untuk menjual penapis air. Mengapa kandungan TDS yang tinggi dijadikan sebagai hujah untuk menjual penapis air?

Ini adalah kerana pengukuran TDS adalah sangat mudah. Meter TDS boleh dibeli secara online dengan harga yang agak murah, dan kemudian sesiapa sahaja boleh melakukan ujian ini dengan mudah. Sedangkan ujian sebenar yang mengukur klorin, klorida, logam berat dan pestisid iaitu parameter-parameter yang penting untuk menentukan kualiti air, ujian-ujian ini memerlukan makmal yang canggih, kepakaran yang tinggi dan instrumen yang mahal.

Tahukah anda?

Air mineral semulajadi dan air paip mempunyai kandungan TDS 100-300 mg/L kerana kandungan mineral seperti kalsium, magnesium, natrium, kalium, sulfat dll. Kandungan TDS dalam air Spritzer adalah 160 mg/L. Kandungan TDS dalam air Evian adalah 309 mg/L. Kandungan TDS dalam air Zamzam adalah ~800 mg/L!

Evian	
	
Natural Spring Water	
Country	France
Source	Evian-les-Bains
Type	still
Calcium (Ca)	80
Chloride (Cl ⁻)	6.8
Magnesium (Mg)	26
Potassium (K)	1
Sodium (Na)	6.5
TDS	309
Website	http://www.evian.com
All values in milligrams per liter (mg/L)	

MINERAL CONTENT	
Potassium	2.4 mg/L
Calcium	31.0 mg/L
Sodium	9.9 mg/L
Magnesium	2.7 mg/L
Silica	60.0 mg/L
Bicarbonate	104.0 mg/L
Sulphate	4.9 mg/L
Chloride	2.0 mg/L
Total Dissolved Solids	160.0 mg/L
pH	7.65

Table 1. Chemical analysis of directly-collected and bottled Zamzam water samples compared to WHO and EPA drinking-water standards.

Parameter	Unit	Directly-collected Zamzam water	Bottled Zamzam water	Maximum allowable limits	
				WHO ¹	EPA ²
pH	-	7.65 ± 0.1	7.6 ± 0.1	6.5-9.5	6.5-8.5
T.D.S.	mg L ⁻¹	814.0 ± 13.2	812 ± 14	1000	500
Na	mg L ⁻¹	119.6 ± 17.3	72.5 ± 6.8**	-	-
K	mg L ⁻¹	37.5 ± 4.0	30.8 ± 3.3	-	-
Mg	mg L ⁻¹	20.5 ± 1.7	18.5 ± 1.4	-	-
Ca	mg L ⁻¹	71.5 ± 6.0	74.0 ± 7.3	-	-
Fe	µg L ⁻¹	80.8 ± 5.9	86.5 ± 6.3	300	300
Cu	µg L ⁻¹	1.8 ± 0.4	1.1 ± 0.3*	1000	1300
Zn	µg L ⁻¹	13.7 ± 2.9	10.5 ± 2.1	5000	5000
Cd	µg L ⁻¹	BDL	BDL	3	5
Pb	µg L ⁻¹	0.65 ± 0.11	0.54 ± 0.08	50	15
Mn	µg L ⁻¹	1.70 ± 0.22	1.71 ± 0.24	100	50
Al	µg L ⁻¹	28.4 ± 3.3	20.1 ± 2.8	200	200
As	µg L ⁻¹	BDL	BDL	10	10
Cl ⁻	mg L ⁻¹	158.7 ± 7.1	149.5 ± 6.5	250	250
SO ₄ ²⁻	mg L ⁻¹	110.8 ± 15.8	96.5 ± 13.0	-	250
HCO ₃ ⁻	mg L ⁻¹	177.2 ± 10.8	184.0 ± 11.6	-	-
PO ₄ ³⁻	mg L ⁻¹	0.11 ± 0.02	0.06 ± 0.01*	-	-

*p < 0.05.

**p < 0.01.

¹ WHO guidelines for drinking-water quality (4th edition, World Health Organization, 2011, Geneva).

² U.S. Environmental Protection Agency (US EPA) National Primary drinking Water Regulations 2011 (<http://www.epa.gov/safewater/mcl.html>).

Rujukan: Ahmed F. Donia, Wael I. Mortada, Chemical composition of Zamzam water: A comparative study with international standards of drinking water, Heliyon, Volume 7, Issue 1, 2021

